INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity
(644552-P)

Institut Integriti Malaysia
Persiaran Tuanku Syed
Sirajuddin, Bukit Tunku,
50480 KUALA LUMPUR, Wilayah
Persekutuan Kuala Lumpur

T: 603-6209 2000
F: 603-6209 2195
E: feedback@iim.gov.my
W: www.iim.gov.my

No. Ruj: IIM.100-12/2/1(11)
Tarikh: 03 November 2026

NOTA KEPADA PENGARANG

Tuan / Puan,

PERMOHONAN LIPUTAN MEDIA KE KONVENSYEN INTEGRITI NASIONAL (KIN) 2026 BERSEMPENA SAMBUTAN BULAN INTEGRITI NASIONAL (SBIN 2026)

Semoga tuan/puan sentiasa berada dalam keadaan sihat sejahtera. Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Institut Integriti Malaysia (IIM) akan menganjurkan Konvensyen Integriti Nasional (KIN) 2026 bersempena Sambutan Bulan Integriti Nasional (SBIN 2026) dengan mengangkat tema “INTEGRITI KITA, NILAI KITA”. Majlis ini akan diserikan dengan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor yang mewakili Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

3. Sehubungan dengan itu, pihak IIM ingin memohon jasa baik dan kerjasama pihak tuan/puan untuk mempertimbangkan penugasan wakil media bagi membuat liputan program tersebut yang akan berlangsung seperti ketetapan berikut:

Tarikh	**:**	**5 November 2026 (Khamis)**
Masa	**:**	**8.00 pagi – 1.35 tengah hari**
Tempat	**:**	**Pusat Konvensyen MBSA, Shah Alam, Selangor**
Tema	**:**	**INTEGRITI KITA, NILAI KITA**

4. Untuk makluman tuan/puan, penganjuran KIN 2026 merupakan antara inisiatif IIM dalam memperkukuh kesedaran, penghayatan dan pembudayaan nilai integriti dalam kalangan masyarakat. Konvensyen ini turut menjadi platform untuk menyemarakkan komitmen bersama terhadap pengamalan nilai amanah, kejujuran, ketelusan dan akauntabiliti, selaras dengan aspirasi membentuk masyarakat berintegriti serta memperkukuh tadbir urus dan kepercayaan awam.

5. Sehubungan itu, kerjasama pihak media dalam memberikan liputan terhadap penganjuran konvensyen ini amat dihargai bagi membantu memperluas penyebaran mesej pembudayaan integriti kepada masyarakat. Bagi tujuan penyelarasan dan pengesahan kehadiran petugas media, pihak tuan/puan dipohon untuk melengkapkan borang pengesahan melalui pautan berikut:

Pautan Pengesahan Liputan Media: https://forms.gle/7cZuCEZ1hcr57oJQ8
Tarikh Akhir Pengesahan: 4 November 2026 (Jam 10.00 malam)

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung liputan media boleh diajukan kepada pegawai berikut:

Encik Mohammad Khairul Azwan bin Mohd Ropal
Timbalan Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat
No. Telefon: 013-990 7153
E-mel: azwan@iim.gov.my

Kerjasama dan sokongan berterusan pihak media dalam membantu menyebarluaskan agenda pembudayaan integriti negara amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih dan salam hormat.

Bahagian Komunikasi Korporat

Insitut Integriti Malaysia (IIM)

Emel: kkom@iim.gov.my / komunikasi@iim.gov.my

ATUR CARA
KONVENSYEN INTEGRITI NASIONAL (KIN) 2026

MASA	PROGRAM
8.00 pagi	Ketibaan Peserta dan Dif-Dif Jemputan
8.45 pagi - 9.30 pagi	Sesi Bicara Integriti Bersama YBhg. Tan Sri Ayob Khan bin Mydin Pitchay “Integriti Tanpa Kompromi: Keberanian, Amanah dan Kepimpinan”
9.30 pagi	Ketibaan YBhg. Ketua Setiausaha Negara
9.50 pagi	Ketibaan YAB Dato’ Menteri Besar Selangor
10.00 pagi	Keberangkatan Tiba DYTM Raja Muda Selangor
10.05 pagi	Lagu Negeri Selangor
	Bacaan Ikrar Integriti
10.10 pagi	Bacaan Doa
10.15 pagi	Sembah Ucapan Alu-aluan oleh YBhg. Ketua Setiausaha Negara merangkap Pengerusi Institut Integriti Malaysia (IIM)
10.25 pagi	Tayangan Multimedia
10.30 pagi	DYTM Raja Muda Selangor berkenan merasmikan Konvensyen Integriti Nasional 2026
	DYTM Raja Muda Selangor berkenan melancarkan Buku “Kepimpinan Sultan Selangor dalam Integriti, Tatakelola dan Kesejahteraan Negeri: DAULAT TUANKU”
11.00 pagi	**Sesi Forum** “Integriti Bermula dari Rumah: Memupuk Nilai ke Arah Masyarakat Sejahtera” **Panel 1** YBhg. Tan Sri Dato’ Sri Prof. Dr. Noorul Ainur binti Mohd Nur Pengerusi Lembaga Pengelola, Universiti UCYP **Panel 2** YBhg. Datuk Ts. Dr. Ramzah Dambul Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Kajian Pembangunan Sabah (IDS) **Panel 3** YBhg. Dato’ Prof. Dr. Mohd Farid Ravi bin Abdullah Naib Canselor / Ketua Eksekutif, Universiti Islam Selangor (UIS)

<table>
<tr><th>MASA</th><th colspan="4">PROGRAM</th></tr>
<tr><td>12.00 tengah hari</td><td colspan="4">Lagu Negeri Selangor</td></tr>
<tr><td></td><td colspan="4">Keberangkatan DYTM Raja Muda Selangor meninggalkan majlis</td></tr>
<tr><td>12.10 tengah hari</td><td colspan="4">Sesi Break-out</td></tr>
<tr><td></td><td>Kluster 1</td><td>Kluster 2</td><td>Kluster 3</td><td>Kluster 4</td></tr>
<tr><td></td><td>Pendidikan
“Transformasi Sistemik ke Arah Pendidikan Berteraskan Nilai”</td><td>Ekonomi
“Keseimbangan Antara Pertumbuhan Ekonomi dan Ketamakan Kewangan”</td><td>Sains, Teknologi dan Inovasi
“Kecerdasan Buatan (AI) dan Integriti: Cabaran Era Digital”</td><td>Belia
“Media Sosial: Pemusnah atau Pemangkin Integriti Belia?”</td></tr>
<tr><td>1.10 tengah hari</td><td colspan="4">Resolusi Konvensyen Integriti Nasional 2026</td></tr>
<tr><td>1.15 tengah hari</td><td colspan="4">Majlis Penutup Konvensyen Integriti Nasional 2026</td></tr>
<tr><td>1.35 tengah hari</td><td colspan="4">Bersurai / Makan Tengah hari</td></tr>
</table>